



Sofibats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

DO NOT LET SHAITAN FOOL YOU
JANGAN BIARKAN SHAITAN MEMPERDAYAKAN ANDA

Assalamu Alaykum wa Rahmatullahi wa Barakatuh.

Authu Billahi Minash-shaytanir Rajeem,

Bismillahir Rahmanir Raheem.

Madad Ya Rasulallah, Madad Ya As'habi Rasulallah, Madad Ya Mashayikhina,
Shaykh Abdullah Daghestani, Shaykh Nazim al-Haqqani. Dastur.

Abu Ayyub al-Ansari. Madad.

Tariqatunas sobba, wal khayru fil jam'iyya.

Syukur Ke Hadrat Allah, Tariqa kita ialah Tariqa Naqshbandi. Bersyukur kita berada di atas landasan Tariqa ini. Allah ﷻ mencipta kita sebagai Muslim atas landasan yang benar. Kita tidak boleh kata yang kita bukan atas landasan yang benar. Syukran Rabbi kita di atas perjalanan yang betul. Ini lah di sebut oleh Allah ﷻ sebagai Sirat al-Mustaqim. Tidak sedikit pun kita menyimpang dari perjalanan yang benar dari segi patuhan kepada syariah atau tariqah. Semua perjalanan yang benar ada di sini..

Allah ﷻ menciptakan kita daripada tiada. Mineral asas kita ialah tanah. Kita berjalan atas tanah dan di kelilingi dengan tanah. Allah cipta berbagai sayuran dan buah buahan dari tanah. Manusia tidak mahu mengambil pengajaran. Allah menunjukkan, kita di cipta dari tiada dan akhir nya kita kembali kepada tanah.

Ada orang pandai, tetapi kepandaian adalah suatu perkara, menimba ilmu perkara yang lain dan kefahaman sesuatu adalah perkara yang lain. "Wa qul Rabbi zidni ilma." Moga Allah ﷻ mengajar kita ilmu kerana ramai orang melihat jalan yang sesat sebagai jalan yang benar. Mereka melihat kejahatan sebagai kebaikan. Mereka melihat perkara yang tidak berguna sebagai perkara yang baik dan menyatakan perkara yang bertentangan dengan anda.

Di dunia ini ada perjalanan yang betul dan ada perjalanan yang sesat. Sesiapa yang di beri kismet oleh Allah ﷻ akan di beri petunjuk kepada perjalanan yang benar. Kita perlu bersyukur kepada nya, kerana Allah ﷻ jika Dia kehendaki tidak memberi kita perjalanan yang betul ini. Tidak sesiapa yang boleh menyoalkehendak Allah ﷻ.

Orang yang bijak yang bertaqwa kepada Allah tidak akan masuk campur urusan Allah. Ada berbagai tahap kejahilan. Ada jahil yang bertanya "Kenapa Allah mencipta kita sebegini? Kenapa Allah buat begini?" Tetapi walaupun ada kejahilan dalam ucapan mereka, mereka masih beriman. Ada pula golongan yang langsung tidak beriman dan ini adalah sejahil jahil nya manusia



Sofibats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

Allah ﷻ tidak mencipta dunia ini hanya untuk kesenangan demi untuk memuaskan hawa nafsu. Dunia ini penuh dengan ujian atau cobaan. Semua orang melalui ujian dan masalah. Ada perkara yang menduga kita dan setiap orang akan di uji kesabaran menurut tahap masing masing.

Mereka yang benar benar beriman ialah para nabi. Selepas itu para sahaba, dan di ikuti dengan para awliya. Keimanan mereka mantap. Tiada apa yang boleh mengugat tahap keimanan mereka. Kemiskinan, atau penyakit, kesejukan atau kepanasan tidak boleh goncang keimanan mereka. Mereka berserah diri dan mereka mengetahui keimanan mereka kepada Allah ﷻ adalah mantap. Bila tahap mereka setinggi ini mereka merasa selesa dan dengan mudah mereka lulus ujian. Bila mereka di uji, mereka tidak menyoal ada kah ini ujian atau tidak. Mereka berkata, “Ini datang dari Allah,” dan mereka tidak bantah atau mengeluarkan ucapan sebarangan. Mereka adalah kekasih Allah.

Tetapi, dengan orang orang umum, lebih tinggi tahap keimanan mereka lebih hebat penyerahan kepada qudrat Illahi. Jika keimanan mereka tipis lebih banyak aduan yang di buat nya. Jika tipis lagi mereka menangis, Lebih tipis lagi mereka merontak. Anda tidak akan mencapai apa apa dengan pemberontakan. Amalan baik yang anda telah lakukan telah hilang untuk memadam dosa pemberontakkan itu.

Seperimana yang kita katakan, dunia ini penuh dengan ujian. Mereka yang bersama junjungan kita Rasulullah ﷺ adalah bertahap tertinggi keimanan mereka. Junjungan kita Rasulullah ﷺ memuji para sahabat nya seraya bersabda, “Semua sahabat ku seumpama bintang gemilang : Sesiapa yang mengikuti mereka akan mendapat hidayah.”

Justru itu, semesti nya Shaitan tidak duduk berdiam sahaja, selepas kewafatan Rasulullah ﷺ, dia pastikan para sahabat mengharungi ujian yang besar dan adakan fitnah dan bertelingkahan antara satu sama yang lain. Walaupun ada fitnah, kita mesti ingat mereka adalah sahabat Rasulullah ﷺ. Jika anda menghasut, fitnah itu akan menjadi lebih ketara. Tiada sesiapa berani menimbulkan fitnah pada zaman Rasulullah ﷺ. Begitu juga zaman Hazrat Abu Bakr (RA). Tiada sesiapa berani mengangkat kepala dan menyebarkan fitnah pada zaman Hazrat Omar (RA). Kadang kala ketegasan amat di perlukan.

Negara Islam di dirikan. Negara Islam dahulu bukan seperti sekarang. Dahulu ia adalah sebuah negara yang menunjuk kepada jalan yang benar dan ia adalah musuh kepada Shaitan. Seluruh dunia ini adalah dalam genggamannya Shaitan, tetapi junjungan kita Rasulullah ﷺ datang dan hapus kerajaan Shaitan. Maka Shaitan tidak akan berduduk diam diri dan melancar berperangan terhadap Islam dengan penuh kekuasaan nya. Ia berlaku dari hari itu hingga hari ini.



Sofibats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

Shaitan terus membawa fitnah di negara bukan Islam dan negara Islam. Dia menimbulkan fitnah di kalangan sesama Muslim dengan andaian nya dia akan menghancurkan Islam. Allah berjanji : Seluruh dunia akan menganut agama Islam. Junjungan kita Rasulullah ﷺ bersabda dalam sebuah hadith sharif yang bermaksud - Seorang yang suci akan datang dari keturunan aku. Dia adalah Mahdi Alayhis Salam.

Apabila Mahdi Alayhis Salam muncul, seluruh dunia akan di bersihkan dari kekufuran dan segala cita cita Shaitan akan musnah, kerana setiap pelusuk dunia akan di semerakan dengan Islam.

Bila Junjungan kita Rasulullah ﷺ tiba, ada berbagai bentuk kerajaan. Mereka akan berdamai dengan syarat mereka tidak akan berperang. Tetapi sekarang masa sudah berubah. Mereka menyerang Islam selama 1,400 tahun. Ia telah capai tahap yang amat ketara. Mereka tiada alasan lagi. Bila Mahdi Alayhis Salam muncul dia akan Islamkan mereka. Dengan karamat zaman Iman Mahdi Alayhis Salam dengan izin Allah roket mereka tidak akan berfungsi, bom mereka tidak akan meletup dan senjata mereka tidak akan berfungsi. Bila Allah kehendaki ia akan terjadi. Maka Allah ﷻ akan bersama dengan orang orang Islam yang berada di atas landasan yang benar.

Janji Dia pasti jadi kenyataan. Orang orang yang di zalimi akan dapat balik hak hak mereka. Penzalim tidak akan bermaamfaat di dunia atau di akhirat. Mereka tidak dapat keuntungan. Mereka akan menjadi meracau dan terganggu fikiran mereka dan mereka akan tersiksa di akhirat.

Bersertalah dengan orang orang atas landasan yang benar. Nasionalisma adalah suatu dosa yang terkutuk. Anda seorang Muslim, anda harus ikut seorang Muslim yang berkuasa atas anda. Mereka adalah orang atas landasan yang benar. Jangan bersama dengan Shaitan yang tidak bersyukur kepada Allah. Jauhilah dari Shaitan dan anda akan berjaya. Sesiapa bersama Shaitan akan kerugian akan menderita.

Jangan di tipu oleh sesiapa dan jangan izinkan Shaitan memperdayakan anda. Shaitan tahu macam mana hendak meperdayakan anda. Dia serbu anda dari setiap pintu dan sedut. Mereka akan memutihkan yang hitam dan menghitamkan yang putih. Mereka yang leka keimanan mereka akan di tipu, tetapi awas satu perkara yang penting: Pemberontakkan tidak baik. Shaitan memerontak dengan Allah dan dia di usir. Dan anda jangan menjejaki langkah dia, janganlah diusir. Anda akan di persoalkan di akhirat.



Sohbats by
Hadrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil al-Hakkani

Iman amat penting. Kuatkan keimanan anda. Anda faham dengan rukun Iman, tentang percaya kepada akhirat. Anda akan di persoalkan di akhirat. Jangan ikuti hawa nafsu mu untuk buat sesuka hati mu. Jangan anda lakukan apa yang di larang oleh Allah. Jika anda buat anda akan di persoalkan. Begitu juga jika anda tidak lakukan apa yang di perintahkan oleh Allah. Jangan bunuh orang, jangan berzina, jangan mencuri dan jangan memberontak!

Anda mungkin tidak bershalat atau tidak berdaya untuk berpuasa. Ia suatu perkara antara anda dengan tuhan mu bila anda beriman kepada nya dan Allah boleh mengampunkan. Tetapi jika anda lakukan perkara yang Dia larang anda telah memberontak. Waktu itu keadaan lebih merungsingkan atau rumit.

Sepertimana yang kami jelaskan pada awal sohbah moga kita bertafakkur. Junjungan kita Rasulullah ﷺ kita bersabda dengan maksud nya, “Sejam bertaffakur lebih baik dari 70 tahun beribadat.” Lebih baik dari 70 tahun beribadat jika anda luangkan sejam untuk berfikir. “Apa yang saya buat? Siapa kawan aku ? Apa yang harus buat?”Jelas sekali anda akan sia sia beribadat 70 tahun tanpa bertaffaku dan di bodohkan.

Moga Allah memberi kita kebijaksanaan dan ilmu yang hakiki, Inshallah. Moga Allah memberi kita ilmu untuk membezakan antara yang haq dan batil dan tidak akan tinggalkan perjalanan yang benar ini, Inshallah. Moga Dia memberi negara dan ummat kita petunjuk kepada jalan yang benar, Inshallah.

Wa Minallah at-Tawfeeq. Al-Fatiha.

Hazrat Shaykh Muhammad Mehmet Adil
16 January 2016/6 Rabiul Akhir 1437
Ayyub Sultan Dargah